

Siasatan NFC hampir beres

KUALA LUMPUR: Siasatan dakwaan penyelewengan dalam Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) dijangka selesai dalam tempoh terdekat.

Pengarah Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mustafar Ali berkata segala keterangan mereka yang terbabit sudah diambil, manakala dokumen berkaitan pula sudah dikumpulkan.

"Siasatan ini akan selesai bila-bila masa sahaja," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini, semalam.

Mustafar yang mengetuai pasukan khas bagi sebarang kes berkaitan NFC, bagaimanapun enggan mengulas sama ada SPRM sudah mengambil keterangan Men-



MUSTAFAR...keterangan
sudah diambil

teri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan suaminya yang juga Penggerusi Eksekutif NFC

Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail.

"Saya tidak mahu komen. Mereka yang terbabit akan dipanggillah," kata Mustafar.

Sebelum ini, Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang dilapor berkata Laporan Ketua Audit Negara 2010 tidak ada menyebut perkataan seperti 'kucar-kacir', 'in a mess' atau penyelewengan dalam laporan audit projek NFC di Gemas, Negeri Sembilan.

Sebaliknya, kata Ambrin, perkara yang menjadi fokus utama pengauditan prestasi yang dijalankan adalah pencapaian projek NFC sejak penubuhannya pada 2006 dan bukan NFCorp sebagai sebuah syarikat.-Bernama.